

EL-WAZIF

E-BULETIN



DISEMBER 2021, Bil. 10

LIPUTAN MEDIA PERASMIAN WADI

2

SITUASI BANJIR DIALAMI WARGA
KAMPUS

3

TERIMA KASIH BOSS

4

648 PELAJAR UiTM MELAKA TERIMA
ZAKAT

7



EL-WAZIF

e-Buletin

Bil 10 / Dis 2021

UNIT WAKAF, ZAKAT DAN INFQ (EL-WAZIF)
UITM CAWANGAN MELAKA

Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka © 2021

Hakcipta Terpelihara.

Tiada sebarang bahagian dari buletin ini boleh diubah suai,
disiarkan semula, disalin, diterbitkan, dipindah milik
atau dijual dalam apa jua bentuk sekalipun tanpa
mendapat kebenaran secara bertulis daripada
pihak Unit Waqaf, Zakat dan Infaq (EL-WAZIF),
Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka.

e-ISSN 2805-5780

Diterbitkan oleh:

Unit Waqaf, Zakat dan Infaq (EL-WAZIF),
UiTM Cawangan Melaka,
Kampus Alor Gajah, KM 26 Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah, Melaka,
MALAYSIA.

Tel : 606-5582273,

Faks : 606-5582001

<https://melaka.uitm.edu.my/>

Saluran Komunikasi Unit EL-WAZIF,

UiTM Cawangan Melaka

E-mail : el-wazif@uitm.edu.my

Facebook: <https://www.facebook.com/elwazifuitmcm>

Instagram: <https://www.instagram.com/elwazif.edu.my>

eISSN 2805-5780



PENAUNG

YBhg. Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Rasdi Zaini
Rektor UiTM Cawangan Melaka

PENASIHAT

Ustaz Abdul Hadi bin Mohd Saleh
Pakar Rujuk Waqaf dan Zakat, El-Wazif, UiTM Cawangan Melaka

PENGERUSI

Ustaz Muaz Hj Mohd Noor
Koordinator Unit El-Wazif, UiTM Cawangan Melaka

EDITOR

Mohd Nabil Zulhemay
Penyelaras Seksyen Waqaf, UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah

PENOLONG EDITOR

Puan Shahreena Bt Daud
Penyelaras Seksyen Waqaf, UiTM Cawangan Melaka, Kampus Bandaraya

AHLI JAWATANKUASA:

PELAPORAN AKTIVITI DAN SEMAKAN ARTIKEL

Prof. Madya Dr. Rozman Bin Md Yusof
Penyelaras Seksyen Waqaf, UiTM Cawangan Melaka, Kampus Bandaraya

Ustaz Ahmad Ammar Bin Rozaini

Penyelaras Seksyen Zakat, UiTM Cawangan Melaka, Kampus Bandaraya

PEREKA BENTUK GRAFIK

Mohd Nabil Bin Zulhemay
Penyelaras Seksyen Waqaf, UiTM Cawangan Melaka, Kampus Jasin

Ustaz Muhammad Faidz Mohd Fadzil

Penyelaras Seksyen Infaq, UiTM Cawangan Melaka, Kampus Jasin

ISU & KANDUNGAN BULANINI

IMBASAN TAHUN 2021	1
EL-WAZIF MELANCARKAN KEMPEN HOTLINE WHATSAPP KEPADA MANGSA BANJIR	2
SITUASI BANJIR DIALAMI WARGA KAMPUS	2
PROGRES PEMBINAAN STOR & STESEN KERJA WADI	3
LIPUTAN MEDIA PERASMIAWADI	3
BANTUAN KOMPUTER RIBA	4
KEMPEN BERZAKAT HUJUNG TAHUN BERSAMA UITM MELAKA	4
UCAPAN TAHNIAH & TERIMA KASIH KEPADA BOSS	5
UCAPAN PENGHARGAAN KEPADA SUKARELAWAN BANJIR	6
TABUNG SUMBANGAN MANGSA BANJIR WARGA UITM CAWANGAN MELAKA	6
HOTLINES WHATSAPP EL-WAZIF CAWANGAN MELAKA	6
PENERIMA ZAKAT (PELAJAR) UITM MELAKA SESI OKTOBER 2021	7

IMBASAN TAHUN 2021

EDITOR

Alhamdulillah, e-Buletin El-Wazif kini telah berjaya sampai penerbitannya yang ke-10. Selaku editor, perasaan bercampur-baur dirasakan. Terkadang kesal dengan kesalahan-kesalahan yang terlepas pandang seperti sekecil -kecil typo di dalam kandungan kandungan yang dimuatkan. Ada juga rasa lega dengan terbitnya isu terakhir pada tahun ini. Tetapi makin gelisah memikirkan apakah yang patut ditambah baik pada isu di tahun baru kelak.

Sepanjang terbitan e-Buletin ini, banyak laporan-laporan dari aktiviti yang telah dijalankan oleh El-Wazif dapat disampaikan kepada pembaca. Justeru, matlamat penubuhan e-Buletin ini dirasakan tercapai. Selain itu, ianya memberikan impak yang besar kepada pembaca dengan menghadirkan satu perasaan ingin menyumbang tidak kisah dalam bentuk buah fikiran, nilai kewangan, dan sumber tenaga. Inilah hasil yang team kami mahukan sebenarnya.

Sekadar recap di pengakhiran tahun 2021 ini, bermula dengan terbitan pertama pada bulan Mac 2021, ketika itu hanya laporan aktiviti El-Wazif semata-mata. Pada pertengahan tahun pula e-Buletin El-Wazif mula mendapatkan e-ISSN. Selain itu, para penulis luar juga dialu-alukan untuk menyumbang coretan mereka. Untuk rakan-rakan yang bernaung di bawah bumbung El-Wazif, teruskan perjuangan. Diharap pengorbanan ini menjadi bukti dan saksi di 'sana' kelak.



The collage displays a variety of e-Bulletin pages from 2021, including:

- Issue BIL. 1 MAC 2021: Features news about tree planting, a booth at the Mesyuarat Stat Akademik, and a Zakat Webinar.
- Issue BIL. 2 APRIL 2021: Focuses on Majlis Penanaman Anak Pokok, a Wadhi booth, and a Zakat Webinar.
- Issue BIL. 3 MEI 2021: Shows the 'Hari Raya Adulfitri 1442H' celebration.
- Issue BIL. 4 JUN 2021: Discusses the 'Mesyuarat Khas - KEPERLUAN SUMBANGAN KEPADA RESIDEN KOLEJ SEMASA PKP'.
- Issue BIL. 5 JULAI 2021: Reports on the 'KORBAN & KEMBOJA 2021' event.
- Issue BIL. 6 Ogos 2021: Features the 'SELAMAT HARI MERDEKA-64' celebration.
- Issue BIL. 7 SEPTEMBER 2021: Includes the 'BICARA EDITOR' column and information about the 'E-BULETIN EL-WAZIF DITAMBAH BAIK - KINI DENGAN NO. E-ISSN'.
- Issue BIL. 8 OKT 2021: Shows the 'TAJUDAH EL-WAZIF!' competition.

AKTIVITI EL-WAZIF

EL-WAZIF MELANCARKAN KEMPEN HOTLINE WHATSAPP KEPADA MANGSA BANJIR

Berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul. Itulah ungkapan yang paling sesuai untuk menggambarkan situasi yang dialami oleh segelintir orang yang terkesan dengan bencana banjir baru-baru ini.

Justeru, bagi membantu mangsa-mangsa yang mengalami musibah ini, pihak EL-WAZIF telah melancarkan 'Hotline WhatsApp EL-WAZIF' bagi sesi Disember 2021 yang lalu.

Ucapan terima kasih kepada Dr. Khairul Azhar Meerangani, Dr. Ahmad Rosli Mohd Nor, serta Ustaz Muhammad Faidz yang telah menjadi wakil di dalam kempen ini.

Terima kasih juga diucapkan kepada para penyumbang. Semoga segala usaha murni ini diberkati Allah.

**SITUASI
BANJIR
DIALAMI
WARGA
KAMPUS**

DARI
LENSA
KAMERA
MANGSA
BANJIR
WARGA
UiTM
MELAKA

Pada hari ke dua iklan permohonan bantuan khas mangsa banjir warga UiTM Melaka, seramai hampir 30 orang telah memohon.

Bantuan telah berjaya disalurkan mengikut kampus masing-masing iaitu dari Alor Gajah seramai 13 orang, Bandaraya 4 orang dan Jasin 9 orang.

Mangsa yang terkesan dengan bencana ini bukan sahaja di Melaka tetapi ada juga dari Selangor, Negeri Sembilan, dan Pahang. Ke semua mangsa adalah warga UiTM Cawangan Melaka. Majoriti permohonan yang diterima adalah dari negeri Selangor.

Berikut merupakan beberapa foto yang telah dihantar kepada pihak EL-WAZIF. Foto selanjutnya boleh ke pautan berikut: [Banjir 1](#), [Banjir 2](#), [Banjir 3](#)



Cawangan Melaka



HOTLINES WHATSAPP

UNIT WAQAF, ZAKAT & INFQAQ (EL-WAZIF), UiTM CAWANGAN MELAKA

WARGA UiTM MELAKA YANG TERLIBAT DENGAN MUSIBAH BANJIR DISEMBER 2021

013-3185436

DR KHAIRUL AZHAR MEERANGANI
Penyelaras Infaq, EL-WAZIF (KAG)

019-6317925

USTAZ MUHAMMAD FAIDZ
Penyelaras Infaq, EL-WAZIF (KJM)

012-6192503

DR AHMAD ROSLI MOHD NOR
Penyelaras Infaq, EL-WAZIF (KBM)

TEMPOH IKLAN: 17 - 31 DISEMBER 2021

OBJEKTIF

Menyampaikan sumbangan segera kepada pelajar dan staf UiTM Cawangan Melaka yang terkesan dengan musibah banjir pada bulan Disember 2021

KELAYAKAN MEMOHON

1. Pemohon adalah dari kalangan pelajar dan staf aktif UiTM Melaka diketiga-tiga kampus.
2. Rumah kediaman pemohon terlibat banjir sehingga mengalami kerosakan dan kerugian.
3. Sila lampirkan gambar kejadian banjir dan senarai kerosakan barang akibat banjir.

UNIT WAQAF, ZAKAT DAN INFQAQ (EL-WAZIF)

UiTM CAWANGAN MELAKA



PROGRES PEMBINAAN STOR & STESEN KERJA WaDI

Kerja-kerja pembinaan bangunan stor dan stesen kerja WaDI telah siap sepenuhnya. Ianya meliputi pembinaan bumbung tambahan iaitu sesikat di bangunan stor dan stesen kerja tersebut. Selain itu, dua unit tandas juga telah siap sepenuhnya untuk digunakan oleh pekerja dan pelawat. Kami mengucapkan berbanyak terima kasih kepada penyumbang yang telah menjayakan pembinaan stor serta stesen kerja WaDI ini. Lihat koleksi gambar-gambar bangunan di [Facebook El-Wazif](#)



LIPUTAN MEDIA PERASMIAN WaDI

PERASMIAN DISEMPURNAKAN OLEH NAIB CANSelor UiTM

Majlis perasmian Waqaf Dusun Ilmu atau lebih dikenali sebagai WaDI ini telah mendapat liputan media iaitu Utusan Malaysia. Cerita mengenainya telah dimuatkan di dalam ruangan Gaya Kampus bertarikh 8 Disember 2021 yang lalu.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih diucapkan kepada Naib Canselor UiTM, Profesor Dr. Roziah Janor yang telah menyempurnakan majlis perasmian kebun WaDI tempoh hari.

28 | UTUSAN MALAYSIA
RABU • 8 DISEMBER 2021

Gaya • KAMPUS

VC UiTM rasmi projek Wakaf Dusun

NAIB Canselor Universiti Teknologi Mara, Prof. Dr. Roziah Janor merasmikan projek Waqaf Dusun Ilmu (WaDI), UiTM Melaka Fasa 2 di Alor Gajah, Melaka, baru-baru ini.

Projek yang diberi nama Waqaf Dusun Ilmu atau singkatannya WaDI UiTM Melaka hampir menginjak usia satu tahun sejak ia dilancarkan pemanamannya pada awal tahun lalu.

Dr. Roziah ketika merasmikan projek itu mengucapkan tahniah kepada pihak UiTM Melaka atas kejayaan melaksanakan projek waqaf ini.

“Saya berharap projek waqaf WaDI ini menjadi pendorong kepada lain-lain cawangan untuk mewujudkan lebih banyak projek yang mampu menjana pendapatan sendiri selain menjadikan waqaf sebagai budaya murni warga kampus,” katanya.

Dalam majlis itu, beliau turut menyempurnakan



DR. Roziah Janor (dua dari kanan) menanam pokok durian sempena perasmian Wakaf Dusun Ilmu di sini. —Foto: UTM

“

Jadikan waqaf budaya murni warga kampus

Prof. Dr. Roziah Janor, Naib Canselor UiTM

acara penanaman anak pokok durian jenis Duri Hitam sebagai simbolik sokongan yang tidak berbelah bahagi pentadbir tertinggi UiTM terhadap projek pembangunan hijau ini.

Sementara itu, pihak WaDI turut menerima sumbangan waqaf RM1,000 daripada para pelajar Kolej Kediaman Tuah, UiTM Alor Gajah, yang disampaikan oleh wakil pelajar kolej Tuah.

Dalam perkembangan lain, Koordinator El-Wazif, Muaz Mohd. Noor berkata, kesyukuran atas sumbangan tersebut oleh Naib Canselor UiTM terhadap projek ini.

“Alhamdulillah, sumbangan ini bertuah kerana ia turut membantu projek ini dan sokongan

PENGUMUMAN

BANTUAN KOMPUTER RIBA

UNTUK PELAJAR-PELAJAR B40 UiTM MELAKA

Kelab Sukarelawan Zakat (SUZA), EL-WAZIF, CIPSF, DeBEST dan MASMED sedang menganjurkan satu program untuk mendapatkan sumbangan komputer riba baharu dan terpakai. Ianya bertujuan untuk diagihkan kepada pelajar-pelajar terutama dari keluarga B40. Edaran komputer riba kelak disasarkan kepada pelajar UiTM Cawangan Melaka dari tiga kampus iaitu Kampus Alor Gajah, Kampus Bandaraya dan juga Kampus Jasin.

Menurut wakil program, sesiapa yang ingin membuat sumbangan bolehlah berhubung terus dengan ketiga-tiga penyelaras dari setiap kampus iaitu Dr. Khairul Azhar Meerangani (Alor Gajah), Dr. Ahmad Rosli Mohd Nor (Bandaraya) dan Ustaz Muhammad Faiz Bin Mohd Fadzil (Jasin). Maklumat lanjut seperti tertera di poster.

KEMPEN BERZAKAT HUJUNG TAHUN BERSAMA UiTM MELAKA

Adalah dimaklumkan bahawa Kaunter Perkhidmatan Bayaran Zakat Tunai dan Potongan Gaji, telah dibuka secara atas talian (online) bagi memberi perkhidmatan tersebut kepada semua warga UiTM Cawangan Melaka untuk pelepasan 100% cukai LHDN tahun 2021.

Sila hubungi semua pegawai yang tertera di dalam poster mengikut kampus masing-masing untuk sebarang pertanyaan dan perkhidmatan secara online.

Cawangan Melaka

SUKARELAWAN ZAKAT EL-WAZIF CIPSF TENTA FOR ISLAM & ENTREPRENEURSHIP DEVELOPMENT MASMED Malaysian Academy of SME & Entrepreneurship Development

BANTUAN KOMPUTER RIBA PELAJAR-PELAJAR B40 UiTM CAWANGAN MELAKA

SUMBANGAN KOMPUTER RIBA BARU DAN TERPAKAI KEPADA PELAJAR UiTM MELAKA YANG MEMERLUKAN

013-3185436 **019-6317925** **012-6192503**

DR KHAIRUL AZHAR MEERANGANI
Penyelaras Infaq, EL-WAZIF (KAG)

USTAZ MUHAMMAD FAIDZ
Penyelaras Infaq, EL-WAZIF (KJM)

DR AHMAD ROSLI MOHD NOR
Penyelaras Infaq, EL-WAZIF (KBM)

TEMPOH IKLAN: 1 - 17 DISEMBER 2021

OBJEKTIF

Menyampaikan sumbangan komputer riba hasil sumbangan orang ramai kepada pelajar-pelajar UiTM Cawangan Melaka kategori ASNAF ZAKAT atau B40 bagi melancarkan lagi proses pelajaran dan pembelajaran.

KELAYAKAN MEMOHON

1. Pemohon **TIADA** komputer riba dan sangat memerlukan untuk **TUJUAN** pelajaran dan pembelajaran.
2. Pemohon adalah dari kalangan pelajar **UiTM Melaka** yang kelurganya **berpendapatan B40**.
3. Keutamaan kepada pelajar semester 1 - 3.

UNIT WAQAF, ZAKAT DAN INFQAQ (EL-WAZIF) UiTM CAWANGAN MELAKA

PERKHIDMATAN KAUNTER ONLINE BAYARAN ZAKAT TUNAI

UITM MELAKA PECUTAN TAHUN 2021



UNTUK PERTANYAAN DAN
PERKHIDMATAN SILA HUBUNGI KAMI



Sila Hubungi :
Ustaz Faisal (KAG) 013-3999132
Ustazah Rafedah (KJM) 019-6930297
Ustaz Amar (KBM) 017-3574794

Menerima Semua Jenis Bayaran
Zakat Secara Tunai & Membantu
Membuat Potongan Gaji secara
bulan-an.

Bayaran Zakat yang dikeluarkan di
UiTM boleh mendapat 100% Rebat
LHDN

Kutipan Zakat akan diagihkan
kembali kepada Pelajar UiTM di
kalangan Asnaf.

Semua Pembayar akan mendapat
Resit Rasmi untuk Pelepasan Cukai
bagi tahun 2021



UCAPAN TAHNIAH & TERIMA KASIH KEPADA BOSS

Bachelor of Office System Society (BOSS) dari UiTM Cawangan Melaka Kampus Bandaraya dengan kerjasama daripada Unit Waqaf, Zakat dan Infaq (EL-WAZIF) telah menjalankan satu projek mendapatkan sumbangan dari orang ramai.

Projek tersebut telah berjaya mengutip sebanyak RM950.00. Wang tersebut akan digunakan bagi pembangunan prasana dan kebajikan warga UiTM Cawangan Melaka. Kesemua wang terkumpul diberikan kepada EL-WAZIF untuk diuruskan pengagihannya.

Pihak El-wazif sememangnya teruja dan ingin mengucapkan terima kasih serta syabas kepada pihak BOSS di atas penganjuran projek amal ini. Mudah-mudahan ianya memberi motivasi kepada pihak lain untuk turut tampil bekerjasama dengan pihak kami.

PROJEK WAQAF DUSUN ILMU (WaDI)

Terima Kasih Atas Sumbangan Anda !

JUMLAH TERKUMPUL: RM950.00

Hasil tanaman Waqaf ini akan disalurkan kepada Unit Waqaf, Zakat dan Infaq (EL-WAZIF) untuk penyediaan prasarana kebajikan dan bantuan kepada warga UITMCM dan masyarakat setempat.

PROJEK ANJURAN BERSAMA:



UCAPAN PENGHARGAAN KEPADA SUKARELAWAN BANJIR

Terima kasih pada sekarelawan-sukarelawatan yang mengorbankan masa dan tenaga turun padang membantu mangsa-mangsa banjir.

Bantuan Allah bakal iringi asbab kebaikan anda, insya-Allah.

Bagi mereka yang tidak berkelapangan untuk ke lapangan bagi membantu mangsa banjir, bolehlah hulurkan bantuan kewangan dengan menyumbang ke tabung mangsa banjir.

Klik link UiTM Pay berikut untuk membantu seikhlas hati:
<https://uitmpay.uitm.edu.my/giving/products/AAM1/02/520>

Semoga Allah luaskan rezeki buat para dermawan. Amin.



TABUNG SUMBANGAN
MANGSA BANJIR WARGA UITM MELAKA
JANUARI 2022

Cawangan Melaka | EL-WAZIF

SALURKAN SUMBANGAN IKHLAS ANDA KE,
Akaun Tabung Sedekah UiTM Cawangan Melaka
melalui link UiTM Fine Pay:
<https://uitmpay.uitm.edu.my/giving/products/AAM1/02/520>

UNIT WAQAF, ZAKAT DAN INFQAQ (EL-WAZIF) | UITM CAWANGAN MELAKA

TABUNG SUMBANGAN MANGSA BANJIR WARGA UITM CAWANGAN MELAKA

Sila Layari [Facebook EL-WAZIF](#) untuk maklumat lanjut

HOTLINES WHATSAPP EL-WAZIF Cawangan Melaka

Layari [Facebook EL-WAZIF](#) untuk maklumat lanjut

HOTLINES WHATSAPP
UNIT WAQAF, ZAKAT & INFQAQ (EL-WAZIF), UITM CAWANGAN MELAKA

BANTUAN KHAS WARGA UITM MELAKA TERLIBAT
MUSIBAH BANJIR JANUARI 2022

013-3185436 DR KHAIRUL AZHAR MEERANGANI
Penyelaras Infaq, EL-WAZIF (KAG)

019-6317925 USTAZ MUHAMMAD FAIZDZ FADZIL
Penyelaras Infaq, EL-WAZIF (KJM)

012-6192503 DR AHMAD ROSLI MOHD NOR
Penyelaras Infaq, EL-WAZIF (KBM)

TEMPOH IKLAN: 03 - 16 JANUARI 2022 (FASA 2)

OBJEKTIF
Menyampaikan sumbangan segera kepada pelajar dan staf UiTM Cawangan Melaka yang terkesan dengan musibah banjir pada bulan JANUARI 2022

KELAYAKAN MEMOHON
1. Pemohon adalah dari kalangan pelajar dan staf aktif UiTM Melaka di ketiga-tiga kampus.
2. Rumah kediaman pemohon terlibat banjir sehingga mengalami kerosakan dan kerugian.
3. Sila lampirkan gambar kejadian banjir dan senarai kerosakan barang akibat banjir.

UNIT WAQAF, ZAKAT DAN INFQAQ (EL-WAZIF) | UITM CAWANGAN MELAKA

PENERIMA ZAKAT (PELAJAR) UiTM MELAKA SESI OKTOBER 2021

Seramai 648 orang pelajar telah berjaya di peringkat permohonan bagi bantuan zakat sesi Oktober 2021 - Februari 2022. Kesemuanya merupakan pelajar dari UiTM Cawangan Melaka meliputi tiga kampus di negeri ini.

Agihan telah dibuat secara berperingkat mulai dari bulan Disember 2021. Kami juga menerima maklum balas dan ucapan terima kasih daripada penerima.

Semoga pelajar-pelajar ini lebih komited untuk belajar bersungguh-sungguh sehingga berjaya dan berupaya untuk menyumbang bakti kepada agama, bangsa dan negara.

Terima kasih diucapkan kepada pembayar zakat dalam dan luar UiTM. Semoga Allah melipat gandakan ganjaran pahala dan membuka pintu rezki selua-luasnya kepada mereka ini.

Sila rujuk [Facebook El-Wazif](#) untuk melihat senarai penuh penerima zakat di setiap kampus.



66

Dan dirikanlah solat,
tunaikanlah zakat, tentulah
kamu mendapat balasan
pahala di sisi Allah.
Sesungguhnya Allah
sentiasa melihat segala
yang kamu kerjakan

Surah Al-Baqarah, Ayat 110



SUMBANGAN WAKAF
DUSUN ILMU
JUMLAH TERKUMPUL
SEHINGGA NOV 2021

KUTIPAN RM81,581.38
PERBELANJAAN
RM39,309.98
SASARAN RM150,000.00

Sumbangan boleh disalurkan ke akaun BANK ISLAM
UiTM Cawangan Melaka 04024010017652
(Reference: 'Waqaf Dusun Ilmu').

Like & Follow


Media Sosial EL-WAZIF

Ikuti perkembangan terkini program dan aktiviti wakaf, zakat dan infaq (sedeckah) di UiTM Melaka melalui saluran Facebook (FB) dan Instagram (IG) rasmi Unit Waqaf, Zakat dan Infaq (EL-WAZIF), UiTM Cawangan Melaka.

Pengiklanan (Media Sosial)



Facebook EL-WAZIF UiTMCM



Instagram elwazif.edu.my

